

NO. SOALAN : 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengenai permasalahan bekalan air yang sering berlaku di Wangsa Maju di antaranya di kawasan Wangsa Maju Seksyen 2.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan Persekutuan amat prihatin terhadap masalah bekalan air yang sering terjadi terutamanya di negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Bagi kawasan Wangsa Maju telah berlaku kerosakan pam di Rumah Pam Wangsa Maju pada awal tahun 2013 yang disebabkan oleh pam-pam yang beroperasi secara *overloading*. Kerosakan tersebut telah mengakibatkan gangguan bekalan air di kawasan Gombak dan Kuala Lumpur termasuk Wangsa Maju. Susulan itu, pam-pam tersebut telah dinaik taraf oleh SYABAS pada September 2013. Sejak itu, keadaan bekalan air di kawasan Wangsa Maju telah pulih seperti sedia kala.

2. Walau bagaimanapun, semasa cuaca panas dan kering pada bulan Mac 2014, sumber air mentah daripada Empangan Klang Gates yang disalurkan terus ke Loji Rawatan Air (LRA) Wangsa Maju terpaksa dikurangkan. Langkah tersebut diambil bagi mengelakkan Empangan Klang Gates menjadi kering. Semasa paras Empangan Klang Gates berada pada tahap kritikal, LRA

Wangsa Maju perlu bergantung sepenuhnya kepada sumber air dari Sungai Gombak.

3. Namun begitu, apabila pelepasan air daripada Empangan Klang Gates ditingkatkan semula seperti biasa berikutan hujan yang mula turun pada awal April 2014, masalah kualiti sumber air mentah telah dapat diatasi dan bekalan air di kawasan Wangsa Maju kini pulih seperti sedia kala.
